

# Integriti agenda nasional

UM - 9/5/2007

Oleh ROZAMAN ISMAIL  
dan HABIBAH OMAR

**PUTRAJAYA** 8 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua pihak menerima dan memahami integriti sebagai agenda nasional supaya setiap tindakan atau keputusan yang diambil berkaitannya dapat memberi kesan kepada rakyat.

Justeru, beliau menegaskan, segala garis panduan yang disediakan dan dikeluarkan adalah untuk diguna pakai oleh semua pihak kerana kerajaan mahu mereka memahami maksud, niat, tujuan serta langkah yang perlu diambil mengenai integriti.

"Kita perlu membuktikan bila bercakap berkaitan integriti, maka yang perlu kita usahakan ialah mesti buktikan cakup itu dengan tindakan yang kita ambil dan keputusan yang kita buat mestilah dilaksanakan.

"Tidak ada pandangan yang berbeza-beza, kerana dengan cara ini kita harap tindakan yang kita ambil itu merupakan tindakan yang serentak, berupa sama dan keberkesanan yang boleh diharapkan merupakan keberkesanan yang dapat dirasakan oleh semua rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan dua naskhah buku bertajuk *Corporate Social Responsibility: Our First Look* dan *National Integrity System: A Guiding Framework* diterbitkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, sistem integriti negara adalah penting dan baik kerana ia membuktikan betapa seriusnya kerajaan dalam hal-hal berkaitan dengan integriti.

"Perkara berkaitan dengan integriti ini merupakan agenda nasional yang melibatkan Kerajaan Persekutuan dan melibatkan kerajaan negeri, ini perlu kita fahami," katanya.

Dalam ucapannya itu, Abdullah juga meminta supaya IIM menjalinkan rangkaian kerja dengan institusi lain terutama institusi yang telah terkenal bagi membolehkan pertukaran pandangan dilakukan.

Pertukaran itu, katanya, boleh dilakukan dengan memberi ceramah, bengkel



**ABDULLAH** Ahmad Badawi mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, semalam. Hadir sama Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn.

- Gambar SAIFUL BAHARI ASHARI

**Kita perlu membuktikan bila bercakap berkaitan integriti, maka yang perlu kita usahakan ialah mesti buktikan cakup itu dengan tindakan yang kita ambil dan keputusan yang kita buat mestilah dilaksanakan**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

dan penerangan dari semasa ke semasa.

Mengenai buku *Corporate Social Responsibility: Our First Look*, beliau berkata, ia boleh dijadikan panduan dan merupa-

kan dokumen yang dapat memenuhi apa yang dikehendaki oleh kerajaan.

Katanya, ia boleh menjadi satu panduan yang sangat baik dan perlu dibaca serta

difahami oleh semua.

Terdahulu, sebelum melancarkan buku berkenaan, Perdana Menteri mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Khas Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan selama kira-kira dua jam di bangunan yang sama.

Mesyuarat berkenaan turut dihadiri oleh Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md Zin.